

Sinar Harian 1/7/2020 m/s 8

Lima maut bot karam dipukul ribut

Tiga lagi masih hilang manakala 12 mangsa terselamat

BACHOK

Seramai lima lelaki lemas, tiga lagi masih hilang manakala 12 yang lain terselamat dalam kejadian bot karam akibat dipukul ribut di perairan Kemasin kira-kira 10 batu nautika dari Jeti Projek Pemasaran Ikan Kuala Kemasin di sini malam kelmarin.

Kejadian pada jam 8.30 malam itu membabitkan bot nelayan yang membawa seramai 20 pemancing termasuk tekong bot berusia 18 hingga 63 tahun.

Timbalan Ketua Polis Kelantan, Senior Asisten Komisioner Abdullah Mohammad Piah berkata, kumpulan yang terdiri daripada ahli keluarga, kenalan dan jiran sekampung dari Kampung Padang To' La, Pasir Mas tersebut keluar memancing pada jam 3 petang dari jeti Kuala Besar di sini.

Menurutnya, sebelum kejadian, bot dinaiki di perairan Kemasin dalam perjalanan untuk pulang namun dipukul ribut yang amat kuat menyebabkan tali sauh terputus hingga bot hilang keseimbangan.

"Ketika tali sauh terputus, ombak besar datang memukul menyebabkan bot tersebut terbalik di tengah-tengah lautan. Ada mangsa yang meninggal dunia ditemui terbelit pada tali sauh berkenaan.

"Mereka menjerit meminta pertolongan. Kejadian disedari nelayan bot lain yang berada berhampiran dan segera menyelamatkan mangsa. Bagaimanapun dua daripada mereka ditemui sudah meninggal dunia.



Bot dinaiki mangsa yang karam ditunda ke muara Kuala Kemasin.

INFO KEJADIAN

Kejadian berlaku pada jam 8.30 malam membabitkan bot nelayan yang membawa 20 lelaki

- MANGSA LEMAS:**
1. Mohd Syaifiq Daud, 43
 2. Mohamad Zaki Muhamad Nordin, 32
 3. Wan Aminuddin Wan Hussin, 63
 4. Pok Ta (warga Thailand), 50-an
 5. Ahmad Syaifiq Che Alim, 30

- MANGSA HILANG:**
6. Arman Ismail, 43
 7. Harun Daud, 60
 8. Che Wadi Bakar, 40

- MANGSA TERSELAMAT:**
1. Muhammad Faris Ramli, 22
 2. Amir Syazwan Adnan, 21
 3. Sayuti Abdul Shukor, 41
 4. Ahmad Roslan Musa, 31
 5. Mohd Izwan Aziz, 22
 6. Mohd Naqudin Abdul Aziz, 27
 7. Mohd Hakim Hashim, 27
 8. Harif Mat Yasin, 50
 9. Hazahar Mat Sanisah, 48
 10. Ikram Hazahar, 20
 11. Ikhwan Hazahar, 27
 12. Hassan Bakar, 50

"Seterusnya menemui dua lagi mayat selang beberapa jam kemudian sebelum seorang lagi mayat mangsa ditemui hari ini (semalam)," katanya pada sidang akhbar di Jeti Projek Pemasaran Ikan Kuala Kemasin di sini semalam.

Beliau berkata, maklumat berhubung kejadian itu diterima pihak berkuasa pada jam 10.11 malam.

Katanya, seramai 86 anggota termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) melancarkan operasi mencari dan menyelamatkan (SAR). "Kesemua mangsa yang terselamat

dibawa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) untuk rawatan lanjut manakala mayat mangsa dibawa ke Unit Forensik hospital sama untuk bedah siasat," kata beliau.

Sementara itu, bermula jam 12 tengah malam semalam, pekarangan Jeti Projek Pemasaran Ikan Kuala Kemasin dipenuhi dengan kehadiran ahli keluarga dan kenalan untuk mengetahui keadaan mangsa yang terbabit dalam insiden berkenaan.

Suasana kemudiannya bertukar hiba apabila 12 mangsa yang terselamat tiba di jeti tersebut pada jam 3.15 pagi.


Lebih menyayat hati apabila ada yang menangis teresak-esak melihat mayat ahli keluarga yang terkorban.

Dalam pada itu, Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan, Kepten Maritim

Muhammad Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, pihaknya tidak dapat membuat pengesahan berhubung tiga lagi mangsa lain sama ada masih berada di kawasan yang sama atau dihanyutkan arus.



Anggota APM mengangkat mayat mangsa yang tiba di Jeti Projek Pemasaran Ikan Kuala Kemasin sebelum dihantar ke HRPZ II untuk bedah siasat semalam.



Suasana di pekarangan Jeti Projek Pemasaran Ikan Kuala Kemasin dipenuhi anggota pasukan operasi mencari dan menyelamatkan semalam.



Ibu Allahyarham Ahmad Syaifiq Che Alim, Daniah Deraman, 62, membuat pengesanan mayat anaknya di Jeti Projek Pemasaran Ikan Kuala Kemasin semalam.

Operasi cari tiga mangsa hilang disambung hari ini

BACHOK - Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) tiga lagi mangsa bot karam di perairan Kemasin di sini ditangguhkan pada jam 6 petang semalam.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan, Kepten Maritim Muhammad Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, sehingga jam 6 petang, pihaknya masih belum menemui sebarang petanda berkaitan tiga lagi mangsa yang masih hilang.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya berjaya menunda bot karam tersebut ke muara Kuala Kemasin kira-kira jam 6 petang setelah menemuinya pada jarak 18 batu nautika dengan bantuan tiga bot nelayan dan bot tunda.

"Dalam operasi hari ini (semalam), lima bot digunakan termasuk sebuah helikopter bagi mengesan kedudukan bot yang beralih dari lokasi asal insiden," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Beliau berkata, pasukan penyelamat berdepan kesukaran apabila bot karam itu ditemui dalam keadaan mengiring.

"Dalam masa yang sama, banyak tali bubu yang boleh membahayakan penyelamat. Kalau mereka masuk dan terbelit, mereka akan terkorban.

"Jadi apa yang kita lakukan sekarang ialah memastikan pelampung di bahagian belakang bot terus terapung selama yang mungkin," katanya.



MUHAMMAD NUR SYAM

'Pengalaman paling menakutkan'

Tekong bot berenang lebih empat batu nautika cari pertolongan

Oleh ROSMIZA KASIM

KOTA BHARU

Tekong bot yang karam dipukul ribut malam kelmarin bergadai nyawa berenang lebih empat batu nautika demi menyelamatkan 19 kaki pancing di dalam botnya yang hampir lemas.

Pengalaman ngeri meredah lautan bergelora itu diceritakan oleh Halifa Mohd Noor, 47, ia itu isteri kepada Hazahar Mat Sanisah, 48, yang mana suaminya kini mendapat rawatan di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini.



Hazahar menerima rawatan di HRPZ II, Kota Bharu semalam.

Halifah berkata, dia mengetahui insiden menimpa suami bersama dua anaknya, Ikhwan, 27, dan Ikram, 20, yang turut mengikuti trip memancing itu setelah dimaklumkan penduduk kampung pada jam 9 malam ketika berada di rumahnya di Kedai Buloh.

"Saya tidak tahu masa itu mahu percaya atau tidak, saya hampir rebah dan terus mendapatkan maklumat lanjut daripada pihak berkuasa untuk pengesahan. Saya sempat jumpa suami pada jam 4 pagi di unit kecemasan HRPZ II tapi dia sangat letih dan dia kata dia



Hazahar ketika mengemudi botnya sebelum ini.

masih trauma dengan kejadian dipukul kepala ribut.

"Dia kata inilah pengalaman paling menakutkan dan membuat dia sangat trauma sepanjang lebih 30 tahun menjadi tekong. Dia juga beritahu setelah kejadian dia terus membaling pelampung kepada awak-

awak yang lain dan menanggalkan bajunya sebelum terjun ke dalam laut untuk mendapatkan bantuan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Ibu kepada lima anak itu berkata, suaminya berenang sekuat hati dan tidak menghiraukan keselamatan diri untuk meminta pertolongan daripada kenalan yang berada di bot berdekatan dengannya.

"Dia cakap kalau dia tidak buang baju, dia mungkin tidak sempat sampai di bot kawannya sebab ombak dan angin sangat kuat, air laut sudah banyak kali tertelan," katanya.

Halifah berkata, setelah suaminya mendapat rawatan, dia masih tidak dibenarkan melawat atas nasihat doktor kerana keadaannya yang terlalu trauma.

Katanya, buat masa ini dia sangat bersyukur kerana dua anak dan suaminya selamat dengan seorang anaknya masih dirawat di HRPZ II.

Tiga mangsa dirawat di HRPZ II



DR SELASAWATI

KOTA BHARU - Seramai lapan daripada 11 mangsa bot karam di perairan Kemasin di sini yang dirawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) dibenarkan pulang sejak awal pagi semalam.

Pengarah HRPZ II, Datuk Dr Selaswati Ghazali berkata, kesemua mangsa tersebut tiba di hospital pada jam 3 pagi.

"Lapan daripadanya dirawat sebagai pesakit luar dan dibenarkan pulang pada jam 7 pagi.

"Tiga lagi mangsa masih dirawat dan dalam pemantauan pihak hospital," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Tragedi bot karam perlu dijadikan iktibar

BACHOK - Kejadian yang menimpa seramai 19 kaki pancing bersama seorang tekong apabila bot dinaiki karam akibat dipukul ribut di perairan Kemasin perlu dijadikan iktibar kepada semua nelayan rekreasi di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, penguatkuasaan terhadap prosedur operasi standard (SOP) dalam aspek keselamatan sudah dilaksanakan oleh kerajaan.

Katanya, namun nelayan mahupun nelayan rekreasi itu sendiri perlu memainkan peranan dan mempunyai kesedaran untuk menjaga keselamatan diri ketika melakukan aktiviti laut.

"Agensi penguat kuasa selama ini telah menjalankan penguatkuasaan dan

kita mengharapkan meskipun sekuat mana penguatkuasaan dibuat kesedaran individu itu sendiri dalam aspek keselamatan perlu ditingkatkan.

"Saya nasihatkan nelayan termasuk nelayan rekreasi berhati-hati dalam aktiviti memancing seperti melihat kepada keadaan cuaca, jumlah peserta dan mengutamakan keselamatan termasuk penggunaan jaket keselamatan," katanya di sini semalam.

Terdahulu beliau hadir di Jeti Projek Pemasaran Ikan Kuala Kemasin di sini untuk mengikuti perkembangan semasa operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) daripada Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan, Kepten Muhammad Nur Syam Asmawie Yaacob.

Kerajaan Kelantan bantu mangsa


KOTA BHARU - Kerajaan Kelantan memberi sumbangan segera kepada mangsa yang terlibat dalam tragedi bot karam di perairan Kemasin, Bachok semalam.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob berkata, sumbangan tersebut adalah daripada Tabung Serambi Mekah dan disalurkan melalui Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan.

"Kepada mangsa yang selamat, kita berikan RM500 dan kepada keluarga mangsa yang meninggal dunia kita berikan RM1,000," katanya ketika turun padang meninjau perkembangan semasa operasi mencari dan menyelamatkan di lokasi kejadian di sini semalam.

Beliau meluahkan masa kira-kira sejam di Jeti Projek Pemasaran Ikan Kuala Kemasin dan turut mendengar taklimat daripada Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan.

Hadir sama Exco



Hasanuddin (kanan) menunjukkan lokasi kejadian kepada Ahmad di Jeti Projek Pemasaran Ikan Kuala Kemasin semalam.

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan, Datuk Muntaz Md Nawi.

Ahmad berkata, beliau meminta seluruh rakyat supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan peraturan ditetapkan untuk aktiviti di laut bagi memastikan keselamatan mereka terjamin.

"Panduan keselamatan di laut amat penting terutama ketika keadaan

cuaca tidak mengizinkan. Ini penting sebab sekarang ini maklumat hanya di hujung jari.

"Saya nasihatkan seluruh rakyat, sebelum melakukan sebarang aktiviti, lihat dahulu panduan dan maklumat yang diberikan melalui laman-laman rasmi jabatan serta agensi yang terlibat seperti Jabatan Meteorologi dan sebagainya," kata beliau.

Jerit sekuat hati di tengah laut

Mangsa terselamat selepas sejam berpaut pada pelampung penanda pukat

PASIR MAS

“Umpama menunggu ma-laikat maut mencabut nyawa,” luah Muhammad Faris Ramli, 22, seorang daripada 12 mangsa yang terselamat dalam insiden bot karam dipukul ribut ketika sedang mencandat sotong di kawasan perairan Kemasin, Bachok malam kelmarin.

Muhammad Faris yang sempat berpaut pada pelampung penanda pukat selama lebih sejam berkata, dia hanya memikirkan soal mati selepas melihat bot yang dinaiki bersama rakan-rakan musnah da-

lam insiden ngeri itu.

“Sepanjang tempoh itu juga saya hanya mampu berdoa dan menangis selain menjerit sekuat hati bagi meminta bantuan.

“Hal ini kerana saya dikelilingi laut yang luas dalam keadaan cuaca gelap serta hujan. Jadi, saya tiada pilihan kecuali berbuat demikian dengan harapan ada yang datang membantu kami,” katanya ketika ditemui pemberita di rumahnya di Kampung Padang To’ La di sini semalam.

Mengimbau semula detik ngeri itu, Muhammad Faris berkata, kejadian berlaku dengan cukup pantas tanpa sempat dia dan rakan-rakan berbuat apa-apa.

Katanya, sebelum kejadian tekong bot mengarahkan dia dan rakan-rakan untuk berlindung di dalam bot selepas cu-



MUHAMMAD FARIS

aca tenang bertukar menjadi gelora akibat ribut datang secara mengejut.

“Selepas masuk ke dalam bot, kami semua berdiam diri dan kemudian tekong memberitahu sauh bot telah putus.

“Selepas itu bermulalah detik ngeri buat kami apabila bot tiba-tiba terbalik dan kemudian pecah selepas dipukul angin kencang,” katanya.

Muhammad Faris berkata, situasi itu menyebabkan dia dan rakan-rakan termasuk tekong serta pembantunya terjatuh ke dalam laut.

“Alhamdulillah umur saya masih panjang apabila sempat berpaut pada pelampung penanda pukat.

“Saya juga bersyukur apabila sempat menyelamatkan dua rakan, Harif Mat Yasin, 50, dan Ahmad Roslan Musa, 31, yang meminta bantuan.



Gambar yang sempat dirakam dan dikongsi di Facebook sebelum bot yang dinaiki mereka dipukul ribut di kawasan perairan Kemasin, Bachok malam kelmarin.

Katanya, semasa sedang melawan ombak dia terdengar sayup-sayup suara Harif dan Ahmad Roslan memintanya menyambut tangan mereka.

“Saya tidak mahir berenang tapi dengan kekuatan dan semangat yang ada ketika itu saya cuba menyambut tangan me-

reka berdua dan biarkan mereka berpaut pada tong ikan yang terapung,” katanya.

Menurutnya, kedua-dua rakan itu berpaut pada tong ikan yang terdapat di dalam kapal tersebut sehinggalah bot nelayan berhampiran datang memberikan pertolongan.

Debaran isteri petanda kehilangan suami

KOTA BHARU - Isteri kepada seorang mangsa lemas tidak menyangka debaran yang dialaminya sejak beberapa hari lalu adalah petanda beliau akan kehilangan suami tercinta dalam kejadian bot karam dipukul ribut di perairan Kemasin, Bachok di sini malam kelmarin.

Rosmaliza Rosdin, 42, berkata, suaminya, Mohd Syafizan Daud, 43, dari Kampung Padang To’ La adalah antara mangsa yang meninggal dunia dalam kejadian itu.

Menurutnya, suaminya itu beria-ria untuk pergi menyandat sotong bersama rakan-rakan memandangkan mereka telah merancang aktiviti tersebut sejak seminggu yang lalu.

“Sebelum ini, saya ada merayu kepada arwah supaya dia tidak pergi tapi dia berdegil juga untuk pergi bersama kawan-kawan sebab sudah seminggu merancang aktiviti tersebut.

“Saya sempat bertemu suami dan bersalam seperti biasa sebelum arwah bertolak.



Rosmaliza menunjukkan gambar Allahyarham suaminya di dalam telefon bimbit miliknya ketika ditemui di HPRZ II, Kota Bharu semalam.

Forensik Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini semalam.

Menurutnya, dia mengetahui kejadian itu melalui status aplikasi WhatsApp seorang kenalan anaknya.

Mengulas mengenai debaran yang dialami, Rosmaliza yang bertugas sebagai jururawat di Hospital Lati, Pasir Mas berkata, dia telah melakukan pemerik-

saan di hospital kerana risau mengalami masalah kesihatan.

“Namun doktor kata tiada apa-apa, rupanya inilah petandanya saya akan kehilangan suami.

“Pada mulanya saya tidak percaya yang suami antara yang meninggal dunia dalam kejadian tersebut namun selepas itu saya reda dengan ketentuan AL-LAH,” katanya.

‘Abang teruja nak menyandat sotong dengan rakan-rakan’

KOTA BHARU

- Keterujaan untuk menyandat sotong dan memancing bersama rakan-rakan bertukar tragedi apabila Wan Aminuddin Wan Husin, 63, lemas selepas bot dinaikinya bersama 19 rakan lain dipukul ribut di perairan Kemasin di sini malam kelmarin.

Adik mangsa, Wan Mohd Tajuddin Wan Husin, 53, berkata, abang sulungnya itu sangat teruja untuk bersama rakan-rakan memandangkan sudah lama tidak turun ke laut.

“Memang arwah teruja dan tidak sabar untuk turun ke laut sebab sudah lama tidak melakukan aktiviti seperti itu dengan kawan-kawan. Dia memang suka memancing dan menyandat.

“Namun tidak sangka



WAN MOHD TAJUDDIN

pula kali ini aktiviti terakhir dia. Kami terima ketentuan ALLAH sebaiknya. Saya kehilangan seorang abang yang sentiasa ada bersama saya sebelum ini,” katanya ketika ditemui di

Unit Forensik Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini semalam.

Menurutnya, sebelum pergi menyandat Allahyarham abangnya tidak menunjukkan perilaku ganjil.

“Namun sebelum itu arwah dua kali berpatah balik selepas tertinggal telefon bimbit dan rokok,” katanya.

Allahyarham Wan Aminuddin yang juga bekas pegawai di sebuah bank di sini tinggal bersama Wan Mohd Tajuddin manakala tiga anaknya bekerja dan belajar di luar negara.